

STPM Kertas 1 Set KVK 3: Soalan 4

- (a) Mengikut Seksyen 57 (1) Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007), kadar peratusan pengagihan untung bersih kepada Kumpulan Wang Rizab Berkanun bergantung kepada baki di Akaun Kumpulan Wang Rizab Berkanun berbanding dengan baki Akaun Modal Saham dan Modal Yuran. Jelaskan peruntukan dalam Akta Koperasi berkaitan dengan kadar peratusan pengagihan untung bersih ini.

(4 markah)

- (b) Berikut adalah imbalan duga Koperasi Petani Moden Sungai Jawi Berhad pada 30 Jun 2020:

Akaun	Debit RM	Kredit RM
Untung kasar		48,650
Inventori pada 30 Jun 2020	3,480	
Kedai Koperasi	78,500	
Peralatan kedai	23,600	
Susut nilai terkumpul peralatan kedai		8,420
Bank	28,110	
Akaun belum terima	12,270	
Peruntukan hutang ragu		160
Belanja runcit	380	
Belanja mesyuarat	540	
Cukai tanah dan taksiran kedai	400	
Derma		1,500
Belanja insurans	800	
Belanja kadar bayaran	1,940	
Belanja upah dan gaji	12,800	
Faedah deposit ahli	380	
Faedah pinjaman	500	
Deposit ahli		6,400
Modal saham		32,600
Akaun belum bayar		11,480
Pendapatan terkumpul pada 1 Julai 2019		27,150
Rizab berkanun		15,300
Yuran masuk		240
Pinjaman bank		10,000
Rizab pendidikan		1,800
	163,700	163,700

Maklumat tambahan:

1. Hutang lapuk yang perlu dihapus kira ialah RM370. Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 2% atas baki akaun belum terima pada akhir tahun.
2. Peralatan kedai disusut nilai pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

3. Belanja gaji dan upah belum bayar berjumlah RM1,200 dan belanja insurans prabayar pada akhir tahun kewangan ini ialah RM200.
4. Ahli-ahli koperasi terdiri daripada petani-petani tempatan. Elaun pembekalan hasil tani diberikan berdasarkan kepada jumlah bekalan tahunan yang dibekalkan oleh ahli-ahli koperasi kepada kedai koperasi dalam tempoh tahun kewangan. Ahli lembaga koperasi telah menetapkan kadar elaun pembekalan hasil tani sebanyak 6%. Jumlah bekalan yang diperoleh daripada ahli-ahli koperasi adalah RM124,500.
5. Elaun kehormat dicadangkan pada kadar 10% dan dividen dicadangkan pada kadar 10% atas modal saham.
6. Sumbangan kepada Kumpulan Wang Kebajikan Am Ahli Koperasi akan diwujudkan ialah 8%.
7. Sumbangan kepada Kumpulan Wang Rizab Berkanun, Kumpulan Wang Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Pembangunan Koperasi adalah 12%, 2% dan 1% masing-masing.

Dikehendaki:

- (i) Sediakan penyata pendapatan komprehensif bagi tahun berakhir 30 Jun 2020. (6 markah)
- (ii) Sediakan penyata pembahagian untung rugi bagi tahun berakhir 31 Oktober 2020. (4 markah)
- (iii) Sediakan penyata kedudukan kewangan pada 31 Oktober 2020. (6 markah)